

16 OCT 1999

Selatan (Fokus Berita)

M'SIA TERUS GALAKKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN

Oleh: Abdul Muin Majid

VICTORIA FALLS (Zimbabwe), 16 Okt (Bernama) -- Komitmen Malaysia terhadap kerjasama Selatan-Selatan sekali lagi dibuktikan semasa Dialog Antarabangsa Selatan Afrika ke-3 (SAID 99) yang berakhir di sini baru-baru ini.

Meskipun ia baru keluar daripada krisis ekonomi dan kewangan paling buruk, Malaysia dengan bersungguh-sungguh berkongsi pengalaman turun naiknya dalam pembinaan negara bersama para pemimpin Afrika yang mengambil bahagian pada perhimpunan dari 3 hingga 6 Okt yang dihoskan Presiden Robert Mugabe.

Kejatuhan harga komoditi, peperangan, kemiskinan, bebanan hutang yang besar, inflasi, kadar pengangguran yang tinggi, karenah birokrasi dan penyakit HIV/AIDS, antara lain, membantutkan pembangunan sebahagian besar negara-negara Afrika.

Dengan senarai yang panjang itu, tidak menghairankan ramai orang tidak berminat datang ke Afrika kerana beranggapan benua ini tidak mampu mengejar kemajuan dengan negara-negara lain di dunia.

Meskipun menghadapi masalah dalam cadangan pelaburan di rantau Afrika Selatan, Malaysia terus yakin bahawa negara-negara di Selatan mesti bersatu demi kebaikan bersama selaras dengan Konsep Rakan kongsi Bijak, yang disebarluaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain Dr Mahathir yang berlepas ke Victoria Falls selepas jadual ketat di New York, delegasi Malaysia terdiri daripada para pegawai kanan kerajaan dan sektor swasta yang menyediakan input dalam pelbagai perbincangan SAID '99.

Perdana Menteri sendiri berkata beliau menggunakan sepenuh kesempatan untuk menerangkan bagaimana konsep rakan kongsi bijak dilaksanakan di Malaysia.

Pada dasarnya, konsep itu berasaskan kepada prinsip bahawa mana-mana ekonomi adalah penting keseluruhannya dengan infrastruktur, proses perniagaan dan tanggungjawab sosial menyokong antara satu sama lain.

Selain Dr Mahathir yang merupakan pemimpin tunggal Asia hadir di Victoria Falls, SAID 99 menyaksikan penyertaan para pemimpin dan perwakilan daripada 14 negara anggota Masyarakat Pembangunan Selatan Afrika (SADC) serta Ghana, Kenya dan Uganda.

SADC yang mempunyai bilangan penduduk seramai 194 juta orang terdiri daripada kumpulan Angola, Botswana, Congo, Lesotho, Malawi, Mauritius, Mozambique, Namibia, Seychelles, Afrika Selatan, Swaziland, Tanzania, Zambia dan Zimbabwe.

Di bawah khemah khas yang didirikan di hadapan Hotel Elephant Hills Intercontinental, para peserta meluahkan idea dan pendapat mengenai pelbagai isu daripada kaedah memperbaiki ekonomi negara-negara Afrika dalam era globalisasi kepada pengukuhan ekonomi di kalangan rakyat Afrika.

Tema SAID tahun ini iaitu "Pengukuhan Ekonomi Melalui Rakan Kongsi Bijak" menggambarkan aspirasi mereka supaya rakyat Afrika memainkan peranan lebih aktif dalam pembangunan negara masing-masing.

Dr Mahathir memberi maklumat dalaman mengenai cara Malaysia melaksanakan program bertindak yang berkesan seperti Dasar Ekonomi Baru, selepas menyedari bahawa penduduk asal tidak mendapat pengagihan adil dalam kekayaan ekonomi selepas sedekad Merdeka.

Sesungguhnya, kenyataan jelas daripada SAID 99 ialah pengukuhan ekonomi akan memerlukan suasana bagi membolehkan kemiskinan dikurangkan dan

memperbaiki taraf hidup rakyat.

Menurut pengarah urusan dan ketua eksekutif Commercial Bank, Zimbabwe Ltd, Gideon Gono, satu bidang penting yang memerlukan perhatian ialah pendidikan.

Sambil menggesa SADC mengeragamkan standard profesion bagi latihan vokasional dan teknikal, beliau mencadangkan supaya para pelajar dihantar mengikuti latihan kemahiran dalam kedua-dua bidang itu di peringkat rantau sebagai strategi yang dirancang dalam pembangunan ekonomi.

Beliau berkata rantau SADC yang mempunyai Keluaran dalam Negara Kasar (GNP) berjumlah AS\$185 bilion pada tahun 1997, mewakili kira-kira 57 peratus daripada keseluruhan Sub-Saharan Afrika, berpotensi besar menjadi sumber kekayaan ekonomi Afrika.

Dalam ucapan dasarnya, Mugabe menggesa SADC mewujudkan koridor pembangunan ekonomi bagi menarik pelaburan manakala bidang pelancongan dikenali sebagai satu bidang yang boleh dieksploitasi bersama di rantau ini.

Kebimbangan mengenai tindakan spekulator matawang juga dibincangkan di Victoria Falls, dengan Mugabe berkata tiada usaha pengukuhan ekonomi yang boleh berjaya jika diancam perdagangan matawang yang tidak dikawal.

Pemimpin Zimbabwe itu berkata pengalaman krisis ekonomi dan kewangan paling buruk oleh kedua-dua rantau Asia dan Selatan serta Barat Afrika sepanjang dua tahun lepas akibat tindakan spekulator matawang dan tabung lindung nilai telah menyedarkan pasaran negara membangunkan atau pasaran baru "kepada bahaya mendedahkan pasaran dan sistem kewangan".

"Kita sekarang menuntut perubahan serius kepada sistem kewangan dunia bagi menyekat atau mengawal perdagangan matawang," katanya.

Presiden Ghana Jerry Rawlings berkata pengawasan luar biasa azam dan komitmen negara oleh Malaysia untuk mengatasi halangan, banyak memberi maklumat kepada negara-negara Afrika semasa mereka berusaha untuk terus hidup dalam keadaan harga komoditi yang jatuh.

SAID 2000 akan diadakan di Mozambique.

-- BERNAMA

MAM LAT RON